

24 AUG 2001

BANK PEMBANGUNAN-LANTIKAN

BEKAS AKAUNTAN NEGARA KETUAI BANK PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, Ogos 24 (Bernama) -- Bekas Akauntan Negara Malaysia, Datuk Mohamed Adnan Ali, dilantik sebagai pengerusi baru Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd (BPIMB).

Pelantikan beliau berkuatkuasa Jun 25, demikian diumumkan oleh BPIMB dalam satu kenyataan hari ini.

BPIMB ditubuhkan pada November 1973 dan mula beroperasi pada Jun 8, 1974.

Dalam ucapan Belanjawan Negara bagi tahun kewangan 1999, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pertambahan modal berbayar bank itu dari RM105.5 juta kepada RM1bilion dan mengambilalih portfolio pembiayaan projek infrastruktur.

Di samping itu BPIMB terus mengekalkan fungsi asalnya iaitu membantu membangunkan keusahawanan di sektor perindustrian khususnya di kalangan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera serta Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, tambah kenyataan itu. -- BERNAMA

LES OS